



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

DASAR PERAKAUNAN

Semakan September 2014

Disediakan oleh :
Jabatan Akauntan Negara
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya
Tel : 03-88821000
Faks : 03-88821765
Laman Web: <http://www2.anm.gov.my>

Pengenalan

1. Dokumen dasar ini menggariskan dasar perakaunan Kerajaan Malaysia yang perlu dipatuhi oleh semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan. Dasar perakaunan ini dirangka untuk membantu pengguna mengguna pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). MPSAS ialah piawaian perakaunan asas akruan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) yang diterbitkan oleh IFAC. Satu-satunya perbezaan adalah apabila IPSAS bercanggah dengan undang-undang tempatan, maka dalam keadaan seperti itu, undang-undang tempatan adalah terpakai.
2. Dasar perakaunan ialah prinsip, asas, kelaziman, peraturan dan amalan khusus yang digunakan oleh entiti dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan.

Dasar Perakaunan

3. Umum

3.1 Komponen Penyata Kewangan

Komponen Penyata Kewangan adalah terdiri daripada:

- a. Penyata Kedudukan Kewangan,
- b. Penyata Prestasi Kewangan,
- c. Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti,
- d. Penyata Aliran Tunai,
- e. Penyata Prestasi Bajet; dan
- f. Nota kepada akaun.

3.2 Entiti Perakaunan

Dasar ini terpakai kepada entiti perakaunan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada:

- a. Semua Kementerian Persekutuan; dan
- b. Semua Jabatan Persekutuan

3.3 Tempoh Pelaporan

Tempoh pelaporan bagi Kerajaan Persekutuan ialah dua belas bulan berakhir 31 Disember.

3.4 Asas Perakaunan

Asas perakaunan adalah Perakaunan Asas Akruan dan pada konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan selainnya.

3.5 **Andaian Usaha Berterusan**

Dasar ini adalah berasaskan andaian bahawa entiti akan terus beroperasi dan dapat memenuhi obligasi berkanunnya pada masa akan datang.

3.6 **Penggunaan Materialiti**

Sesuatu item adalah material jika ketinggalan, atau salah nyatanya dalam penyata kewangan boleh mempengaruhi pertimbangan pengguna yang dibuat berasaskan penyata kewangan itu. Materialiti bergantung pada jenis atau saiz item tersebut, atau kombinasi kedua-duanya.

3.7 **Ketekalan Pembentangan**

Pembentangan dan pengelasan item dalam penyata kewangan hendaklah dikekalkan dari satu tempoh ke tempoh berikutnya kecuali:

- (a) Sudah jelas bahawa, berikutan perubahan ketara dalam jenis operasi entiti atau semakan semula penyata kewangannya, pembentangan atau pengelasan yang lain adalah lebih sesuai setelah mengambil kira kriteria bagi pemilihan dan penggunaan dasar perakaunan dalam MPSAS 3; atau
- (b) Sesuatu MPSAS menghendaki perubahan dalam pembentangan.

3.8 **Maklumat Perbandingan**

Maklumat perbandingan hendaklah didedahkan bagi tempoh sebelumnya untuk semua amaun yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Maklumat perbandingan hendaklah dimasukkan bagi maklumat naratif dan deskriptif jika maklumat tersebut relevan untuk pemahaman penyata kewangan bagi tempoh semasa.

3.9 **Perbezaan Semasa/Bukan Semasa**

Sesuatu entiti hendaklah menunjukkan aset semasa dan bukan semasa, serta liabiliti semasa dan bukan semasa, sebagai pengelasan berasingan pada muka penyata kedudukan kewangannya. Setiap baris item aset dan liabiliti yang menggabungkan amaun yang dijangka boleh diperolehi semula atau diselesaikan:

- (a) tidak lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pelaporan, dan
- (b) lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pelaporan

hendaklah didedahkan secara berasingan.

4. **Kumpulan Wang Disatukan**

Konsep Kumpulan Wang Disatukan akan dikekalkan di bawah perakaunan asas akruan tetapi tiga akaun bagi Kumpulan Wang Disatukan akan diuruskan seperti yang berikut:

- a. Akaun Hasil Disatukan akan ditutup dan baki pada tarikh pelaksanaan akan dipindahkan kepada Lebihan/Kurangan Terkumpul dalam Penyata Aset Bersih/Ekuiti.
- b. Akaun Pinjaman Disatukan akan ditutup dan baki pada tarikh pelaksanaan akan dipindahkan kepada Lebihan/Kurangan Terkumpul dalam Penyata Aset Bersih/Ekuiti.
- c. Semua baki akaun amanah kerajaan akan ditunjukkan sebagai rizab amanah dan sebagai satu baris item dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah Aset Bersih/Ekuiti. Baki akaun amanah dan deposit awam akan ditunjukkan sebagai liabiliti dan sebagai satu baris item dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

5. Aset

Aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti akibat peristiwa lampau dan daripadanya manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir kepada entiti itu.

Sesuatu item diiktiraf sebagai aset dalam penyata kewangan entiti jika:

- (a) item tersebut memenuhi takrifan bagi aset; dan
- (b) amaun boleh diukur dengan pasti.

5.1 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada Tunai di Bank, Akaun Semasa (termasuk Panjar Tiga Per Dua Belas) dan Deposit (tidak melebihi tiga bulan), Tunai di Tangan (Panjar Wang Runcit) dan Wang Tunai dalam Perjalanan.

5.2 Cukai dan Pindahan Boleh Pulih

Cukai dan Pindahan Boleh Pulih serta hasil cukai yang sepadan diiktiraf pada masa wujudnya hutang kepada Kerajaan.

Ia hendaklah pada awalnya diukur pada amaun urus niaga (nilai saksama bagi pertimbangan) dan berikutnya pada kos terlunas (iaitu, amaun yang diukur pada pengiktirafan awal, ditolak bayaran balik pokok yang diterima, ditolak atau ditambah pelunasan terkumpul dengan menggunakan kaedah faedah efektif bagi apa-apa perbezaan antara amaun awal dengan amaun matang, dan ditolak apa-apa pengurangan bagi amaun penjejasan nilai atau amaun tidak boleh diketip).

Anggaran cukai belum terima berdasarkan pengalaman tahun sebelumnya akan dikira dan diakrukan pada akhir tahun kewangan.

5.3 **Belum Terima**

Akaun Belum Terima hendaklah diiktiraf apabila barangan dipindahkan, perkhidmatan diberikan dan apabila invois dikeluarkan.

Dagangan Belum Terima hendaklah pada awalnya diukur pada amaun urus niaga (nilai saksama bagi pertimbangan) dan berikutnya pada kos terlunas ditolak apa-apa peruntukan bagi hutang ragu.

5.4 **Inventori**

Inventori ialah aset:

- (a) Dalam bentuk bahan atau bekalan yang akan digunakan dalam proses pengeluaran;
- (b) Dalam bentuk bahan atau bekalan yang akan digunakan atau diagihkan dalam pemberian perkhidmatan;
- (c) Dipegang untuk dijual atau diedar dalam keadaan biasa operasi; atau
- (d) Dalam proses pengeluaran untuk jualan atau agihan.

Inventori hendaklah pada awalnya diukur pada kos atau, jika diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, pada nilai saksama pada tarikh perolehan.

Berikutnya, inventori direkodkan pada kos atau nilai realisasi bersih, mana yang lebih rendah. Bagi inventori yang dipegang untuk pengagihan demi manfaat awam (dipegang untuk pengagihan tanpa caj atau untuk caj nominal, contohnya, bekalan perubatan di hospital awam), inventori hendaklah direkodkan pada kos atau kos penggantian semasa, mana yang lebih rendah.

Kos inventori yang terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran, dan kos lain yang ditanggung bagi membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa dikira menggunakan kaedah Purata Wajaran.

Apabila inventori dijual, ditukar atau diagihkan, amaun itu diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh apabila hasil berkaitan diiktiraf.

Amaun diturun nilai ke nilai realisasi bersih atau kos penggantian semasa akan dibelanjakan dalam tempoh berlakunya penurunan nilai.

5.5 **Bayaran terdahulu**

Bayaran terdahulu hendaklah diiktiraf sebagai aset semasa pada kos diurusniagakan. Berikutnya, tiada keperluan untuk pengukuran semula tetapi amaun itu perlu dipindahkan kepada belanja atau kelas aset yang lain, mengikut mana yang bersesuaian, apabila barangan atau perkhidmatan berkaitan telah diterima.

5.6 Aset Kewangan Lain

Aset Kewangan Lain terdiri daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui lebih atau kurangan (dipegang untuk perdagangan), pinjaman dan belum diterima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual;

- a. **Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebih Atau Kurangan** (dipegang untuk perdagangan) hendaklah pada awalnya diukur pada nilai saksama dan berikutnya diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebih atau kurangan.
- b. **Pinjaman Dan Belum Terima** hendaklah pada awalnya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga, dan berikutnya diukur pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.
- c. **Pelaburan Dipegang Hingga Matang** hendaklah awalnya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga dan berikutnya diukur pada kos terlunas tolak kerugian penjejasan nilai.
- d. **Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual** hendaklah pada awalnya diukur pada nilai saksama ditambah kos urus niaga, dan berikutnya diukur seperti yang berikut:
 - i. Nilai saksama; atau
 - ii. Kos ditolak penjejasan nilai (hanya untuk pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai sebut harga pasaran dalam pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti;
 - iii. Mengiktiraf semua perubahan terkumpul bagi nilai saksama dalam komponen berasingan untuk aset bersih/ekuiti sehingga penyahiktirafan atau penjejasan nilai berikutnya, apabila entiti itu memindahkan untung atau rugi terkumpul kepada lebih atau kurangan. Kerugian penjejasan nilai tersebut tidak boleh dibalikkan melalui lebih atau kurangan.

5.7 Pelaburan dalam Entiti Dikawal

Entiti Pelaporan bagi Kerajaan Persekutuan hanya terdiri daripada Kementerian dan Jabatan Persekutuan, oleh itu Pelaburan dalam entiti dikawal akan pada awalnya diakaunkan sebagai pelaburan pada kos, dengan menggunakan kaedah ekuiti atau sebagai aset kewangan dan berikutnya dibawa pada kos atau sebagai aset kewangan, dan ditaksir untuk penjejasan nilai jika terdapat bukti penjejasan nilai.

5.8 Pelaburan dalam Entiti Dikawal Bersama

Entiti Pelaporan bagi Kerajaan Persekutuan hanya terdiri daripada Kementerian dan Jabatan Persekutuan, oleh itu Pelaburan dalam entiti dikawal bersama akan pada awalnya diakaunkan sebagai pelaburan pada kos, dengan menggunakan kaedah ekuiti atau sebagai aset kewangan dan berikutnya dibawa pada kos, dengan menggunakan kaedah ekuiti atau sebagai aset kewangan, dan ditaksir untuk penjejasan nilai jika terdapat bukti penjejasan nilai.

5.9 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Entiti Pelaporan bagi Kerajaan Persekutuan hanya terdiri daripada Kementerian dan Jabatan Persekutuan, oleh itu pelaburan dalam entiti bersekutu akan pada awalnya diakaunkan sebagai pelaburan pada kos, dengan menggunakan kaedah ekuiti atau sebagai aset kewangan dan berikutnya dibawa pada kos, dengan menggunakan kaedah ekuiti atau sebagai aset kewangan, dan ditaksir untuk penjejasan nilai jika terdapat bukti penjejasan nilai.

5.10 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Hartanah Pelaburan

a. Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP)

Hartanah, loji dan peralatan ialah item ketara yang:

- i. Dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, untuk sewaan kepada pihak lain, atau untuk tujuan pentadbiran; dan
- ii. Dijangka akan digunakan untuk lebih daripada satu tempoh pelaporan.

HLP hendaklah pada awalnya diiktiraf sebagai aset pada kos jika, dan hanya jika:

- i. ada kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dikaitkan dengan item itu akan mengalir kepada entiti; dan
- ii. kos atau nilai saksama item boleh diukur dengan pasti.

Aset yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran hendaklah diukur pada nilai saksamanya pada tarikh perolehan.

Aset ketenteraan hendaklah didedahkan sebagai satu baris item dalam nota kepada akaun.

Had nilai permodalan yang dicadangkan untuk HLP adalah RM2,000 bagi setiap item, tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa. Aset bernilai kurang daripada RM2,000 atau aset bernilai rendah hendaklah dibelanjakan tetapi direkodkan dalam daftar aset untuk tujuan rekod dan kawalan.

Kos penggantian untuk sebahagian daripada aset yang meningkatkan manfaat ekonomi, potensi perkhidmatan dan usia guna aset hendaklah dipermodalkan dengan penyahiktirafan yang setara bagi bahagian yang diganti.

Belanja pembaikan dan penyelenggaraan tidak boleh dipermodalkan.

Bagi pengukuran berikutnya, HLP hendaklah diukur menggunakan model kos atau model penilaian semula:

i. **Model Kos**

Dibawa pada kos, ditolak susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian penjejasan nilai terkumpul.

ii. **Model Penilaian Semula**

Dibawa pada amaun dinilai semula, yang merupakan nilai saksama pada tarikh penilaian semula, ditolak apa-apa susut nilai terkumpul berikutnya dan kerugian penjejasan nilai terkumpul berikutnya. Penilaian semula akan terus dikreditkan kepada lebih penilaian semula atau dibelanjakan dalam lebih atau kurang.

b. **Hartanah Pelaburan**

Hartanah Pelaburan (HP) hendaklah pada awalnya diiktiraf sebagai aset pada kos jika dan hanya jika:

- i. terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dikaitkan dengan hartanah pelaburan itu akan mengalir kepada entiti; dan
- ii. kos atau nilai saksama item boleh diukur dengan pasti.

Jika HP diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kosnya hendaklah diukur pada nilai saksamanya, pada tarikh perolehan.

Seterusnya, HP hendaklah diukur menggunakan model Nilai Saksama atau Kos:

i. **Model Nilai Saksama**

Diukur pada nilai saksama kecuali nilai saksama tidak boleh ditentukan dengan pasti secara berterusan.

Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam lebih atau kurang bagi tempoh wujudnya untung atau rugi itu.

Kepentingan hartanah yang dipegang oleh penerima pajak bagi pajakan operasi boleh dikelaskan dan diakaunkan sebagai HP jika ia

memenuhi takrifan HP, dan penggunaan model nilai saksama adalah mandatori.

ii. **Model Kos**

Diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai

Susut nilai direkodkan menggunakan kaedah garis lurus pada kadar yang dikira untuk mengagihkan kos atau penilaian bagi item HLP dan nilai HP yang diukur pada kos tolak apa-apa anggaran nilai sisa, sepanjang baki usia gunanya. Tanah pegangan kekal tidak perlu disusutnilaikan tetapi bagi tanah pegangan pajakan, ia hendaklah dilunaskan sepanjang tempoh pajakan. Caj susut nilai bagi tempoh itu diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Penjejasan Nilai

Jika amaun boleh pulih aset adalah kurang daripada amaun bawaannya, ia hendaklah dilaporkan pada amaun boleh pulih dan kerugian penjejasan nilai diiktiraf. Tujuan utama sesetengah aset dipegang adalah untuk menjana tunai. Bagi aset ini, amaun boleh pulihnya adalah mana-mana amaun yang lebih tinggi antara amaun boleh pulih melalui jualan (selepas ditolak kos jualan) atau amaun yang akan dijana melalui penggunaan aset tersebut sepanjang usia gunanya. Sesetengah aset tidak menjana tunai dan bagi aset ini, jika amaun perkhidmatan boleh pulih kurang daripada amaun bawaannya, aset tersebut akan dilaporkan pada amaun perkhidmatan boleh pulih. Kerugian akibat penjejasan nilai dilaporkan dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika aset tersebut dibawa pada amaun dinilai semula, dan apa-apa kerugian penjejasan nilai dianggap sebagai pengurangan penilaian semula.

Pelupusan

Untung atau rugi yang timbul daripada pelupusan HLP dan HP diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh urus niaga tersebut berlaku. Apa-apa baki dalam rizab penilaian semula yang dikaitan dengan aset yang dilupuskan perlu dipindahkan kepada lebihan atau kurangan terkumpul.

5.11 Pertanian (Aset Biologi dan Keluaran Pertanian)

Aset Biologi atau keluaran pertanian hendaklah diiktiraf apabila dan hanya apabila:

- a. Entiti mengawal aset tersebut akibat peristiwa lampau;
- b. Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dikaitkan dengan aset itu akan mengalir kepada entiti; dan
- c. Nilai saksama atau kos aset itu boleh diukur dengan pasti.

Aset Biologi hendaklah pada awalnya diukur pada nilai saksama tolak kos untuk menjual. Jika nilai saksama tidak dapat diukur dengan pasti, ia perlu diukur pada kos. Berikutnya, ia hendaklah diukur pada nilai saksama tolak kos untuk menjual. Jika kos digunakan pada pengiktirafan awal, dan nilai saksama masih tidak boleh diukur dengan pasti, aset biologi tersebut hendaklah diukur pada kos tolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Keluaran pertanian hendaklah pada awalnya diukur pada nilai saksama tolak kos untuk menjual, pada masa penuaian. Ia hendaklah diakaunkan sebagai inventori.

5.12 Aset Tak Ketara

Aset tak ketara ialah aset bukan monetari yang boleh dikenal pasti tanpa bentuk fizikal. Ia hendaklah pada awalnya diiktiraf sebagai aset jika:

- a. memenuhi takrifan aset tak ketara;
- b. ada kemungkinan bahawa jangkaan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan yang berpunca daripada aset tersebut akan mengalir kepada entiti; dan
- c. kos atau nilai saksama aset itu boleh diukur dengan pasti.

Aset Tak Ketara hendaklah pada awalnya diukur pada:

- a. kos bagi aset tak ketara dalam suatu urus niaga pertukaran,
- b. kos untuk menghasilkan aset tak ketara secara dalaman, atau
- c. nilai saksama bagi aset tak ketara yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran.

Pengukuran berikutnya bagi aset tak ketara adalah seperti yang berikut:

- a. Aset tak ketara dengan usia guna yang dapat ditentukan
 - i. Model kos (kos tolak pelunasan dan penjejasan nilai); atau
 - ii. Model penilaian semula

- b. Aset tak ketara dengan usia guna yang tidak dapat ditentukan

Tidak boleh dilunaskan, tetapi hendaklah diuji bagi penjejasan nilai pada setiap tahun dan apabila ada petunjuk bahawa aset tak ketara itu mungkin mengalami penjejasan nilai.

Fi lesen perisian

Fi lesen perisian hendaklah dipermodalkan sebagai aset tak ketara dan fi penyelenggaraan tahunan hendaklah diiktiraf sebagai belanja. Penambahbaikan (peningkatan) sistem hendaklah dipermodalkan.

6. Liabiliti

Liabiliti ditakrifkan sebagai “obligasi kini bagi entiti yang timbul daripada peristiwa lampau, dan penyelesaiannya dijangka akan mengakibatkan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan daripada entiti.”

Sesuatu item diiktiraf sebagai liabiliti dalam penyata kewangan entiti jika:

- (a) obligasi tersebut memenuhi takrifan bagi liabiliti; dan
- (b) amaun bagi penyelesaian boleh diukur dengan pasti.

6.1 Belum bayar dalam urus niaga pertukaran

Belum bayar/terakru hendaklah diiktiraf apabila barangan atau perkhidmatan telah diterima atau dinikmati.

Bagi barangan atau perkhidmatan yang diterima atau dinikmati tanpa pengeluaran Pesanan Belian, belum bayar atau terakru hendaklah diiktiraf apabila invoice diterima.

Dagangan Belum Bayar/Terakru hendaklah pada awalnya diukur pada amaun diurusniagakan (nilai saksama bagi pertimbangan) dan pengukuran berikutnya pada kos terlunas.

6.2 Cukai Belum Bayar

Cukai Belum Bayar/terakru hendaklah diiktiraf apabila bayaran balik kena dibayar kepada pembayar cukai disebabkan pemfailan taksiran.

Cukai Belum Bayar/terakru hendaklah diukur pada awalnya pada amaun diurusniagakan (nilai saksama bagi pertimbangan) dan pengukuran berikutnya pada kos terlunas.

6.3 Geran dan Caj Tetap (Nota janji hutang yang dikeluarkan kepada organisasi antarabangsa)

Caj di atas hendaklah diiktiraf sebagai liabiliti kewangan apabila wujudnya obligasi untuk membayar.

6.4 Geran dan Caj Tetap (Geran Domestik dan lain-lain)

Caj di atas hendaklah diiktiraf sebagai liabiliti kewangan apabila wujudnya obligasi untuk membayar.

6.5 Peruntukan

Peruntukan hendaklah diiktiraf jika, setelah mempertimbangkan kesemua bukti yang ada, terdapat kemungkinan besar wujudnya obligasi kini pada tarikh pelaporan.

Peruntukan hendaklah diukur berasaskan anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh pelaporan.

6.6 Pinjaman

Pinjaman hendaklah diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada kos diurusniagakan dan berikutnya diukur pada kos terlunas.

Kos urus niaga yang secara langsung dikaitkan dengan liabiliti kewangan hendaklah ditolak daripada hasil kutipan pinjaman. Kos urus niaga tersebut dicaj kepada belanja dan amaun yang sepadan ditambah kepada liabiliti kewangan.

Bayaran balik pinjaman hendaklah diiktiraf sebagai pengurangan dalam amaun bawaan bagi pinjaman itu pada kos diurusniagakan.

6.7 Pelan Pencen dan Gratuiti

Pencen dan gratuiti hendaklah diiktiraf dalam tempoh apabila khidmat pekerja itu diterima serta diukur berasaskan obligasi masa hadapan pelan itu dan berdasarkan penilaian aktuari yang terdiri daripada pengiktirafan kos perkhidmatan, kos faedah, keuntungan atau kerugian aktuari, jangkaan pulangan ke atas mana-mana aset pelan dan hak pembayaran ganti yang diiktiraf sebagai aset.

Amaun yang diiktiraf sebagai liabiliti ialah jumlah bersih nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan pada tarikh pelaporan, ditolak nilai saksama bagi pelan aset pada tarikh pelaporan yang akandigunakan untuk menyelesaikan obligasi itu secara langsung.

Sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran ganti oleh Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun untuk kakitangan yang dipinjamkan, dan Pihak

Berkuasa Tempatan kepada pelan manfaat ditentukan akan diiktiraf sebagai pelan aset.

7. Hasil

Hasil ditakrifkan sebagai “aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam tempoh pelaporan, apabila aliran masuk tersebut menghasilkan peningkatan aset bersih/ekuiti, selain peningkatan berkaitan sumbangan daripada pemilik.”

Aliran masuk sumber daripada urus niaga pertukaran dan bukan pertukaran, selain manfaat bukan monetari, yang memenuhi takrifan bagi aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil apabila, dan hanya apabila:

- a. Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan yang dikaitkan dengan aset itu akan mengalir kepada entiti; dan
- b. Nilai saksama aset itu boleh diukur dengan pasti.

7.1 Hasil Cukai

a. Cukai Pendapatan

Hasil cukai akan diiktiraf dengan merujuk kepada perolehan bagi pendapatan boleh taksir oleh pembayar cukai, maka, keperluan ini perlu mengambil kira had masa yang bersesuaian, yang juga mempengaruhi pengiktirafan cukai belum terima/boleh bayar balik.

Potongan Cukai Pendapatan yang diterima secara Bayar Semasa Terima (*Pay As You Earn*) hendaklah diiktiraf sebagai hasil sewaktu penerimaan.

b. Cukai Langsung Lain termasuk cukai tanah dan cukai pintu

Hasil cukai akan diiktiraf dengan merujuk kepada saat berlakunya peristiwa boleh cukai, maka, keperluan ini perlu mengambil kira had masa yang bersesuaian, yang juga mempengaruhi pengiktirafan cukai belum terima/boleh bayar balik.

c. Duti Kastam – Eksport dan Import, Duti Eksais ke atas Barangan Import, Levi

Duti kastam bagi barangan yang diimport dan dieksport serta duti eksais ke atas barangan import akan diiktiraf sebagai hasil apabila terjadi pergerakan barang berduti merentasi sempadan kastam dan gudang kawalan kastam.

Levi bagi keluaran pertanian hendaklah diiktiraf sebagai hasil apabila pengisytiharan dibuat.

Levi bagi kenderaan barangan yang keluar dan masuk ke Malaysia hendaklah diiktiraf sebagai hasil sebagaimana dan apabila levi itu dikenakan dan diterima.

d. **Cukai Jualan ke atas Barangan Buatan Tempatan dan Barangan Import, Cukai Barang dan Perkhidmatan, Cukai Perkhidmatan, Duti Eksais**

Cukai Jualan ke atas barangan buatan tempatan dan barangan import, Cukai Barang dan Perkhidmatan, dan Cukai Perkhidmatan hendaklah diiktiraf sebagai hasil semasa jualan barangan dan perkhidmatan (iaitu pada masa jualan kepada pengguna akhir).

Duti Eksais ke atas barangan umum hendaklah diiktiraf sebagai hasil apabila barangan tersebut meninggalkan kilang. Walau bagaimanapun, bagi kenderaan buatan tempatan, duti eksais hanya akan diiktiraf sebagai hasil apabila kenderaan itu dijual dan bukannya ketika kenderaan meninggalkan kilang. Namun begitu, Duti Eksais akan terakru sebagai belum terima pada akhir tahun keempat selepas kenderaan itu meninggalkan kilang walaupun masih belum terjual.

e. **Pelbagai Cukai Tidak Langsung**

Cukai Tidak langsung berikut hendaklah diiktiraf sebagai hasil apabila berlakunya peristiwa boleh cukai yang berkaitan:

- i. Cukai nilai tambah ialah pelaksanaan aktiviti boleh cukai sepanjang tempoh pencukaian oleh pembayar cukai;
- ii. Duti kematian ialah duti yang dikenakan apabila berlakunya kematian seseorang yang memiliki hartanah boleh cukai; dan
- iii. Cukai harta dikenakan apabila terdapat pelupusan hartanah.

7.2 Hasil Bukan Cukai

a. **Lesen, Fi Pendaftaran dan Permit**

Hasil hendaklah diiktiraf apabila lesen dan permit dikeluarkan (lazimnya tiada selang masa antara waktu pengeluaran lesen dan permit dengan waktu pembayaran)

b. **Perkhidmatan dan Fi Perkhidmatan**

Hasil hendaklah diiktiraf dengan merujuk kepada tahap penyempurnaan urusan niaga pada tarikh pelaporan apabila KESEMUA syarat berikut dipenuhi:

- i. Amaun hasil boleh diukur dengan pasti;

- ii. Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan yang dikaitkan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti;
- iii. Tahap penyempurnaan urus niaga pada tarikh pelaporan dapat diukur dengan pasti;
- iv. Kos yang dikenakan bagi urus niaga dan kos bagi menyempurnakan urus niaga boleh diukur dengan pasti;

Hasil hendaklah diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

c. **Jualan Barangan**

Hasil hendaklah diiktiraf apabila kesemua syarat berikut telah dipenuhi:

- i. Entiti telah memindahkan risiko dan ganjaran yang signifikan bagi pemilikan barang kepada pembeli;
- ii. Entiti tidak mengekalkan pelibatan berterusan dalam pengurusan pada tahap yang biasanya dikaitkan dengan pemilikan mahupun kawalan efektif ke atas barangan yang dijual;
- iii. Amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
- iv. Terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan yang dikaitkan dengan urus niaga itu akan mengalir kepada entiti; dan
- v. Kos yang dikenakan atau akan dikenakan berkaitan urus niaga itu boleh diukur dengan pasti.

Hasil hendaklah diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

Amaun bagi kos barang yang dijual hendaklah dibelanjakan kepada lebihan/kurangan serentak dengan pengiktirafan hasil.

d. **Sewa**

Sewa yang diperoleh hendaklah diiktiraf sebagai hasil mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh penyewaan.

e. **Faedah**

Hasil hendaklah diiktiraf berasaskan perkadaran masa yang mengambil kira kadar hasil efektif aset.

Hasil hendaklah diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

f. **Dividen**

Hasil hendaklah diiktiraf apabila wujud hak pemegang saham atau entiti untuk menerima pembayaran.

Hasil hendaklah diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

g. **Denda dan Penalti**

Hasil hendaklah diiktiraf apabila denda/penalti dikenakan. Hasil hendaklah diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima, dengan mengambil kira jangkaan waktu denda/penalti diselesaikan, jika terdapat selang masa antara peristiwa dengan kutipan.

h. **Sumbangan dan Pampasan daripada Negara Luar dan Penyumbang Tempatan**

Hasil hendaklah diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan akan mengalir kepada entiti dan nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti, contohnya, apabila amaun itu dijadikan sandaran, memorandum persefahaman ditandatangani.

i. **Manfaat Bukan Monetari**

Entiti boleh, tetapi tidak dikehendaki, mengiktiraf manfaat bukan monetari sebagai hasil dan sebagai aset.

j. **Cari Gali Minyak dan Gas**

Hasil daripada Cari Gali Minyak dan Gas hendaklah diiktiraf semasa ia diperoleh/diakru menurut intipati perjanjian yang berkaitan melainkan, intipati perjanjian itu menunjukkan adalah lebih sesuai mengiktiraf hasil menggunakan asas lain yang lebih sistematik dan rasional.

7.3 Pelbagai Terimaan

a. **Bayaran Balik Perbelanjaan**

Bayaran Balik Perbelanjaan bagi tahun sebelumnya hendaklah diiktiraf sebagai hasil pada kos yang diurusniagakan.

Bayaran Balik Perbelanjaan untuk tahun semasa hendaklah diiktiraf sebagai timbal balik kepada akaun belanja atau aset yang berkaitan pada kos yang diurusniagakan.

b. **Terimaan daripada Agensi Kerajaan**

Jika hasil dan kos yang direkodkan adalah urusan niaga antara jabatan, ia hendaklah dihapuskan.

7.4 **Hasil daripada Wilayah Persekutuan**

Hasil Cukai- Taksiran Tanah

Hasil cukai hendaklah diiktiraf apabila berlalunya tarikh levi tahunan dan oleh itu, keperluan ini mungkin menyebabkan pengiktirafan cukai belum terima dan diukur pada kos yang mengurusniagakan.

8. **Belanja**

Belanja ditakrifkan sebagai “pengurangan dalam manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pewujudan liabiliti yang mengakibatkan pengurangan dalam aset bersih/ekuiti, selain daripada pengurangan yang berkaitan dengan agihan kepada pemilik.”

8.1 **Emolumen (Gaji dan Upah, Elaun/ Manfaat Tetap, Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan, Kerja Lebih Masa, Manfaat Kewangan Lain, Elaun Khusus)**

Gaji dan Upah, Elaun/Manfaat Tetap, Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan hendaklah diiktiraf dalam tempoh apabila khidmat pekerja itu diterima dan diukur pada kos yang mengurusniagakan.

Belanja yang belum dibayar dalam tempoh ketika khidmat pekerja itu diterima, hendaklah diakru sewajarnya.

8.2 **Bekalan dan Perkhidmatan (Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup, Pengangkutan Barang, Perhubungan dan Utiliti, Bahan Makanan dan Minuman, Bekalan dan Bahan Lain, Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil, Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain serta Hospitaliti, Bayaran untuk Kakitangan Sementara)**

Bekalan dan perkhidmatan di atas hendaklah diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh apabila barang/perkhidmatan itu digunakan. Belanja tersebut, jika tidak dibayar dalam tempoh apabila barangan/perkhidmatan itu digunakan, hendaklah diakru sewajarnya.

8.3 **Bekalan dan Perkhidmatan (Belanja Sewa)**

Sewa hendaklah diiktiraf sebagai belanja mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh penyewaan. Belanja tersebut, jika tidak dibayar dalam tempoh semasa barang/perkhidmatan itu digunakan, hendaklah diakru sewajarnya.

8.4 Bekalan dan Perkhidmatan (Bahan Mentah dan Bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan)

Bekalan Bahan Mentah dan Bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan hendaklah dibelanjakan atau dipermodalkan sebagai inventori bergantung pada tujuan atau kegunaan bekalan tersebut.

8.5 Pemberian dan Caj Tetap (Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pendidikan)

a. Jika bantuan itu merupakan pinjaman

Caj di atas hendaklah pada mulanya diiktiraf sebagai Pinjaman Belum Terima pada nilai saksama ditambah kos urus niaga dan kemudiannya hendaklah diiktiraf pada kos terlunas.

b. Jika bantuan itu bukan pinjaman

Caj di atas hendaklah diiktiraf sebagai belanja pada kos yang diurusniagakan apabila wujud obligasi untuk membayar.

8.6 Pemberian dan Caj Tetap (Bayaran Langganan kepada organisasi antarabangsa)

Caj di atas hendaklah dibelanjakan pada kos yang diurusniagakan.

8.7 Pemberian dan Caj Tetap (Tuntutan Insurans dan Pampasan)

Caj di atas hendaklah diiktiraf sebagai peruntukan apabila:

- a. entiti mempunyai obligasi kini (dari segi perundangan atau konstruktif) disebabkan peristiwa lampau;
- b. ada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu; dan
- c. anggaran yang sesuai boleh dibuat bagi amaun obligasi itu.

Tuntutan insurans dan pampasan hendaklah diukur berasaskan anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh pelaporan.

8.8 Faedah, Dividen dan Caj Hutang (Faedah atas Pinjaman)

a. Kaedah Tanda Aras

Kos pinjaman hendaklah diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh ia ditanggung.

b. Kaedah Alternatif Dibenarkan

Kos pinjaman yang boleh dikaitkan secara langsung dengan pemerolehan, pembinaan atau penghasilan aset layak hendaklah dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset itu. Permodalan kos pinjaman akan terhenti

apabila sebahagian besar aktiviti yang perlu bagi menyediakan aset layak untuk kegunaan yang dimaksudkan atau untuk jualan, telah selesai.

Kos pinjaman hendaklah dikira berasaskan kaedah faedah efektif.

8.9 Kos Urus Niaga Bagi Pengeluaran Pinjaman

Kos urus niaga yang secara langsung berpunca daripada liabiliti kewangan akan ditolak daripada hasil kutipan pinjaman itu. Kos urus niaga sedemikian hendaklah dicaj kepada belanja dan amaun yang sepadan ditambah kepada liabiliti kewangan.

8.10 Kos Perkhidmatan Lain atas Pinjaman

Kos pinjaman hendaklah diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh ia dikenakan. Belanja tersebut, jika tidak dibayar dalam tempoh obligasi itu wujud, hendaklah diakru sewajarnya.

8.11 Perbelanjaan Lain (Bayaran Balik Cukai)

Perbelanjaan di atas hendaklah diiktiraf sebagai suatu timbal balik kepada akaun hasil yang bersesuaian dan hendaklah diukur pada kos yang diurusniagakan.

8.12 Perbelanjaan Lain (Hapus Kira Pinjaman Belum Terima)

Bagi pinjaman belum terima yang bukan pinjaman konsesi, hapus kira pinjaman belum terima hendaklah diiktiraf sebagai belanja apabila pinjaman dan belum terima mengalami penjejasan nilai.

Jika pinjaman belum terima itu ialah pinjaman konsesi, perbezaan antara nilai saksama pinjaman dengan harga urus niaga (hasil kutipan pinjaman) hendaklah diiktiraf sebagai belanja pada pengiktirafan awal. Hapus kira Pinjaman Belum Terima hendaklah diiktiraf sebagai belanja apabila pinjaman dan belum terima mengalami penjejasan nilai.

8.13 Perbelanjaan Lain (Hapus Kira Cukai {contohnya, taksiran tanah yang diduduki Kerajaan})

Perbelanjaan di atas hendaklah diiktiraf sebagai belanja jika berkemungkinan besar amaun itu tidak boleh dipungut dan amaun itu boleh diukur dengan pasti.

9. Kumpulan Wang Disatukan

9.1 Akaun Hasil Disatukan

Akaun Hasil Disatukan hendaklah ditutup. Baki dalam Akaun Hasil Disatukan pada tarikh pelaksanaan perakaunan akruan hendaklah dipindahkan kepada

Lebihan/Kurangan Terkumpul dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah Aset Bersih/Ekuiti.

9.2 **Akaun Pinjaman Disatukan**

Akaun Pinjaman Disatukan hendaklah ditutup dan baki pada tarikh pelaksanaan perakaunan akruan hendaklah dipindahkan kepada Lebihan/Kurangan Terkumpul dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah Aset Bersih/Ekuiti.

Pinjaman hendaklah diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada kos yang diurusniagakan dan kemudiannya diukur pada kos terlunas. Amaun tersebut ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti, dan amaun bawaan tersebut merupakan jumlah obligasi pinjaman pada akhir tempoh itu.

9.3 **Akaun Amanah Disatukan**

Perakaunan bagi akaun amanah kerajaan, akaun amanah awam dan deposit adalah seperti yang berikut:

a. **Akaun Amanah Kerajaan**

Semua urusan niaga terimaan dan bayaran hendaklah diakaunkan dengan menggunakan dasar perakaunan akruan.

Baki akaun amanah kerajaan hendaklah dikumpul dan dilaporkan sebagai rizab amanah dan sebagai satu baris item dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah Aset Bersih/Ekuiti.

Pembelian aset termasuk pelaburan hendaklah didebitkan sebagai aset bagi akaun amanah tersebut dan bukan didebitkan ke dalam akaun amanah.

Liabiliti yang ditanggung hendaklah dikreditkan sebagai liabiliti bagi akaun amanah tersebut dan bukan dikreditkan ke dalam akaun amanah.

Belanja ditanggung hendaklah didebitkan sebagai belanja untuk akaun amanah tersebut.

Hasil yang dikutip hendaklah dikreditkan sebagai hasil untuk akaun amanah tersebut dan bukan ke dalam akaun hasil.

Susut nilai aset dana amanah hendaklah didebitkan sebagai belanja untuk akaun amanah tersebut.

Aset dan liabiliti termasuk tunai milik akaun amanah hendaklah dikenal pasti dengan jelas melalui akaun amanah (Dana).

Penyata Prestasi Kewangan dan Kedudukan Kewangan hendaklah disediakan untuk setiap akaun amanah.

Semua hasil, belanja, aset dan liabiliti bagi akaun amanah kerajaan hendaklah disatukan dengan hasil, belanja, aset dan liabiliti bagi Dana Am untuk penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

i. **Kumpulan Wang Pembangunan**

Baki dalam Kumpulan Wang Pembangunan hendaklah dikumpul bersama akaun amanah kerajaan yang lain dan dilaporkan sebagai rizab amanah dan sebagai satu baris item dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah Aset Bersih/Ekuiti. Perakaunan untuk urus niaga Kumpulan Wang Pembangunan hendaklah diambil kira selaras dengan perenggan 9.3.(a). Penyata Prestasi Kewangan dan Kedudukan Kewangan hendaklah disediakan untuk Kumpulan Wang Pembangunan.

ii. **Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan**

Baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan hendaklah dikumpul bersama akaun amanah kerajaan yang lain dan dilaporkan sebagai rizab amanah dan sebagai satu baris item dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah Aset Bersih/Ekuiti. Perakaunan untuk urus niaga Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan hendaklah diambil kira selaras dengan perenggan 9.3.(a). Penyata Prestasi Kewangan dan Kedudukan Kewangan hendaklah disediakan untuk Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

iii. **Akaun Antara Pentadbiran, Akaun Potongan Gaji**

Akaun ini merupakan akaun belum terima dan akaun belum bayar di peringkat lejar subsidiari yang hendaklah dikosongkan pada tarikh pelaporan. Jika tidak dikosongkan, baki pada tarikh pelaporan hendaklah diambil kira sebagai akaun belum terima dan akaun belum bayar pada amaun yang diurusniagakan dan dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

iv. **Untung dan Rugi dalam Akaun Pertukaran Mata Wang**

Merujuk untung dan rugi yang timbul daripada pertukaran mata wang yang masing-masing dikreditkan atau dicaj kepada "Akaun Untung dan Rugi dalam Pertukaran Mata Wang". Baki dalam akaun ini hendaklah dikosongkan kepada akaun belanja atau dikreditkan ke dalam hasil pada akhir tahun kewangan.

v. **Akaun Dagangan – Stor Tidak Teruntuk**

Merujuk kepada barangan/perkhidmatan yang disediakan antara jabatan dalam entiti pelaporan yang sama dan oleh itu, belanja hendaklah diiktiraf berasaskan amaun sebenar yang diurusniagakan dengan pihak luar. Untung antara jabatan hendaklah diketepikan.

vi **Kumpulan Wang Pinjaman/Kumpulan Wang Pinjaman Pemindahhakan (kecuali BSN)**

Baki Kumpulan Wang Pinjaman/Kumpulan Wang Pinjaman Pemindahhakan hendaklah dikumpul bersama akaun amanah kerajaan yang lain dan dilaporkan sebagai rizab amanah dan sebagai satu baris item dalam Penyata Aset Bersih/Ekuiti. Perakaunan untuk urus niaga Kumpulan Wang Pinjaman/Kumpulan Wang Pinjaman Pemindahhakan hendaklah diambil kira selaras dengan perenggan 9.3.(a). Satu Penyata Prestasi Kewangan dan Kedudukan Kewangan hendaklah disediakan untuk Kumpulan Wang Pinjaman/ Kumpulan Wang Pinjaman Pemindahhakan.

vii **Pinjaman Pemindahhakan (BSN)**

Amaun yang dipinjam daripada BSN dan amaun yang dibayar kepada kakitangan awam tidak boleh diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, perbezaan antara pendapatan faedah yang dikutip daripada peminjam dengan belanja faedah yang ditanggung hendaklah dianggap sebagai manfaat pekerja jangka pendek dan dicaj sebagai belanja.

viii. **Kumpulan Wang Luar Jangka**

Jika kemungkinan besar obligasi kini wujud, ia hendaklah diiktiraf sebagai satu peruntukan (liabiliti) dan diukur berasaskan anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini tersebut pada tarikh pelaporan.

Jika kewujudan obligasi kini tidak meyakinkan,

- Tiada pengiktirafan liabiliti diperlukan
- Amaun yang dasingkan dalam akaun ini hendaklah dikumpul bersama akaun amanah kerajaan yang lain dan dilaporkan sebagai rizab amanah dan sebagai satu baris item dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah Aset Bersih/Ekuiti. Perakaunan untuk urus niaga Kumpulan Wang Luar Jangka hendaklah diakaunkan selaras dengan perenggan 9.3.(a). Satu Penyata Prestasi Kewangan dan Kedudukan Kewangan hendaklah disediakan untuk Kumpulan Wang Luar Jangka.
- Jika wujud liabiliti luar jangka, ia hendaklah didedahkan.

b. **Akaun Amanah Awam**

Semua urusan niaga terimaan dan bayaran hendaklah diakaunkan dengan menggunakan dasar perakaunan akruan.

Baki akaun amanah awam hendaklah dikumpul dan dilaporkan sebagai liabiliti dan sebagai satu baris item dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pembelian aset kewangan termasuk pelaburan hendaklah didebitkan sebagai aset bagi akaun amanah tersebut dan bukan didebitkan ke dalam akaun amanah. Pembelian aset bukan kewangan hendaklah dianggap sebagai perbelanjaan dan didebitkan ke dalam akaun amanah.

Liabiliti kewangan yang ditanggung hendaklah dikreditkan sebagai liabiliti dan bukan dikreditkan ke dalam akaun amanah.

Belanja yang ditanggung hendaklah didebitkan sebagai belanja untuk akaun amanah

Hasil yang dikutip hendaklah dikreditkan sebagai hasil untuk akaun amanah dan bukan dikreditkan ke dalam akaun hasil.

Aset kewangan dan liabiliti kewangan termasuk tunai milik akaun amanah hendaklah dikenal pasti dengan jelas melalui akaun amanah (Dana).

Penyata Prestasi Kewangan dan Kedudukan Kewangan hendaklah disediakan untuk setiap akaun amanah.

Semua hasil, belanja, aset bukan kewangan dan liabiliti bukan kewangan bagi akaun amanah awam tidak akan disatukan dengan hasil, belanja, aset bukan kewangan dan liabiliti bukan kewangan Dana Am. Hanya aset kewangan dan liabiliti kewangan akaun amanah awam akan disatukan dengan aset dan liabiliti Dana Am untuk penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

i. **Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)**

Jika PFI ialah pemberi pajak dan Kerajaan memajakkan prasarana secara pajakan kewangan

Perkara di atas hendaklah diiktiraf sebagai aset pajakan dan liabiliti pajakan kewangan

Aset Pajakan

Pengiktirafan Awal

Prasarana hendaklah dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan pada amaun setara dengan nilai saksama prasarana atau,

jika lebih rendah, pada nilai kini bagi bayaran minimum pajakan yang telah ditentukan pada permulaan pajakan itu.

Pengiktirafan susulan

Prasarana disusut nilai secara sistematik sepanjang usia gunanya.

Liabiliti pajakan kewangan

Pengiktirafan Awal

Obligasi berkaitan pajakan hendaklah diiktiraf sebagai pajakan kewangan belum bayar pada amaun setara dengan nilai saksama aset pajakan atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bagi bayaran minimum pajakan yang telah ditentukan pada permulaan pajakan itu.

Pengiktirafan susulan

Liabiliti pajakan kewangan hendaklah dikurangkan berdasarkan agihan kepada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan bagi menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap bagi baki liabiliti itu.

ii. **Bina-Pajak-Pindah/Bina-Pajak-Urus-Pindah**

Perkara di atas hendaklah diiktiraf sebagai aset pajakan dan liabiliti pajakan kewangan.

Aset Pajakan

Pengiktirafan Awal

Prasarana hendaklah dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan pada amaun setara dengan nilai saksama prasarana atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bagi bayaran minimum pajakan yang telah ditentukan pada permulaan pajakan itu.

Pengiktirafan susulan

Prasarana disusut nilai secara sistematik sepanjang usia gunanya.

Liabiliti pajakan kewangan

Pengiktirafan Awal

Obligasi berkaitan pajakan hendaklah diiktiraf sebagai pajakan kewangan belum bayar pada amaun setara dengan nilai saksama aset pajakan atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bagi bayaran minimum pajakan yang telah ditentukan pada permulaan pajakan itu.

Pengiktirafan susulan

Liabiliti pajakan kewangan hendaklah dikurangkan berdasarkan agihan kepada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan bagi menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap bagi baki liabiliti itu.

Perkhidmatan Pengurusan

Jika pengurusan mempunyai peruntukan untuk perkhidmatan pengurusan, ia hendaklah diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh perkhidmatan itu digunakan.

iii. **Bina-Kendali-Pindah/ Pulih-Kendali-Pindah**

Perkara di atas hendaklah diiktiraf sebagai aset dan liabiliti konsesi perkhidmatan.

Aset Konsesi Perkhidmatan

Pengiktirafan Awal

Aset konsesi perkhidmatan hendaklah pada mulanya dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diukur pada nilai saksamanya.

Pengiktirafan susulan

Aset konsesi perkhidmatan hendaklah diambil kira sebagai satu kelas aset berasingan dan hendaklah disusut nilai secara sistematik sepanjang usia gunanya.

Liabiliti

Pengiktirafan Awal

Jika aset konsesi perkhidmatan diiktiraf, liabiliti perlu juga diiktiraf. Liabiliti yang diiktiraf hendaklah pada mulanya diukur pada amaun yang sama dengan aset konsesi perkhidmatan (pada nilai saksamanya), dilaraskan dengan amaun pertimbangan lain (contohnya, tunai daripada grantor kepada pengendali, atau daripada pengendali kepada grantor).

Pengiktirafan susulan

Model Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan hendaklah diiktiraf dan bayaran kepada pengendali hendaklah diakaunkan mengikut inti pati pengurusan konsesi perkhidmatan sebagai pengurangan liabiliti, caj kewangan dan caj bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pengendali. Caj kewangan dan caj bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pengendali hendaklah diakaunkan sebagai belanja.

Model Pemberian Hak kepada Pengendali

Hasil belum diperoleh hendaklah diiktiraf. Hasil dan pengurangan liabiliti hendaklah diiktiraf mengikut inti pati ekonomi pengurusan konsesi perkhidmatan itu.

Pampasan kepada pengendali (contohnya, kadar tol tanpa pelarasan)

Diiktiraf sebagai peruntukan berdasarkan anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh pelaporan dan diukur berasaskan anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh pelaporan.

iv. **Kumpulan Wang Insurans Barang-Barang Kerajaan**

Selagi Surat Ikatan Amanah bagi Kumpulan Wang Insurans Barang-Barang Kerajaan berkuat kuasa, tiada perubahan dalam dasar perakaunan diperlukan kerana piawaian perakaunan tidak boleh menggantikan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Amaun yang diketepikan bersamaan 0.5% daripada nilai barang import hendaklah dicajkan sebagai perbelanjaan operasi dan Kumpulan Wang Insurans Barang-Barang Kerajaan dilaporkan di bawah kategori Dana Amanah Awam.

c. **Deposit**

Semua urusan niaga terimaan dan bayaran hendaklah diakaunkan dengan menggunakan perakaunan asas akruan.

Baki deposit hendaklah dikumpul dan dilaporkan sebagai liabiliti dan sebagai satu baris item dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

i. **Deposit (Am {termasuk wang tidak dituntut})**

Perkara di atas hendaklah diiktiraf sebagai Liabiliti Kewangan pada nilai saksama.

ii. **Deposit (Pelarasan {Bayaran kepada Commerce Dot Com, Pembatalan Cek/EFT}).**

Perkara di atas hendaklah diiktiraf sebagai liabiliti sehingga amaun dijelaskan.

iii. **Deposit (Pelarasan {Terimaan tidak dapat dikenal pasti}).**

Perkara di atas hendaklah diiktiraf sebagai liabiliti sehingga amaun itu diselaraskan mengikut kelulusan surat ikatan amanah atau jenis terimaan yang dikenal pasti dan seterusnya dikreditkan ke dalam akaun hasil/belanja/amanah yang berkenaan.

10. Lain-lain

10.1 Pajakan

a. Pajakan Kewangan – Kerajaan sebagai penerima pajak

Perkara di atas hendaklah diiktiraf sebagai Aset Pajakan dan Pajakan Kewangan Belum Bayar seperti yang berikut:

Aset Pajakan

Pengiktirafan Awal

Aset yang diperoleh melalui pajakan kewangan hendaklah dipermodalkan pada amaun setara dengan nilai saksama aset pajakan atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bagi bayaran minimum pajakan yang telah ditentukan pada permulaan pajakan itu.

Pengukuran susulan

Aset pajakan disusut nilai sejajar dengan dasar yang digunakan untuk aset boleh susut nilai yang dimiliki.

Pajakan kewangan belum bayar

Pengiktirafan Awal

Obligasi berkaitan pajakan hendaklah diiktiraf sebagai pajakan kewangan belum bayar pada amaun setara dengan nilai saksama aset pajakan atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bagi bayaran minimum pajakan yang telah ditentukan pada permulaan pajakan itu.

Pengukuran susulan

Liabiliti pajakan kewangan hendaklah dikurangkan berdasarkan agihan kepada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap bagi baki liabiliti itu.

b. Pajakan Operasi – Kerajaan sebagai pemberi pajak

Perkara di atas hendaklah diktiraf sebagai hasil mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Kos langsung awal yang ditanggung oleh pemberi pajak semasa mengadakan rundingan dan mengatur pajakan operasi hendaklah ditambah kepada amaun bawaan bagi aset pajakan itu, dan diiktiraf sebagai belanja sepanjang tempoh pajakan pada asas yang sama dengan hasil pajakan.

c. **Pajakan Operasi – Kerajaan sebagai penerima pajak**

Belanja Sewa

Perkara di atas hendaklah diiktiraf sebagai belanja mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Belanja tersebut, jika tidak dibayar sepanjang tempoh barangan/perkhidmatan itu digunakan, hendaklah diakui sewajarnya.

10.2 **Penjejasan nilai aset bukan kewangan**

a. **Aset menjana tunai**

Penjejasan nilai aset hendaklah ditaksir jika terdapat bukti penjejasan nilai. Jika, dan hanya jika, amaun boleh pulih aset kurang daripada amaun bawaannya, amaun bawaan aset itu hendaklah dikurangkan kepada amaun boleh pulihnya. Kerugian penjejasan nilai itu hendaklah diiktiraf sebagai belanja.

Caj susut nilai/pelunasan aset itu hendaklah diselaraskan pada masa hadapan bagi menguntukkan amaun bawaan aset itu yang telah disemak semula, tolak nilai sisa, menggunakan satu asas yang sistematik sepanjang baki usia gunanya.

b. **Aset tidak menjana tunai**

Penjejasan nilai aset hendaklah ditaksir jika terdapat bukti penjejasan. Jika, dan hanya jika, amaun perkhidmatan boleh pulih aset kurang daripada amaun bawaannya, amaun bawaan aset itu hendaklah dikurangkan kepada amaun perkhidmatan boleh pulihnya. Kerugian penjejasan nilai itu hendaklah diiktiraf sebagai belanja.

Caj susut nilai/pelunasan aset itu hendaklah diselaraskan pada masa hadapan bagi menguntukkan amaun bawaan aset itu yang telah disemak semula, tolak nilai sisa, menggunakan satu asas yang sistematik sepanjang baki usia gunanya.

10.3 **Penjejasan nilai aset kewangan**

a. **Aset kewangan dibawa pada kos terlunas (dipegang hingga matang/pinjaman dan belum terima)**

Penjejasan nilai aset kewangan hendaklah ditaksir jika terdapat bukti penjejasan nilai. Amaun kerugian diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan dengan nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan itu. Kerugian penjejasan nilai itu hendaklah dicaj sebagai belanja.

- b. **Aset kewangan dibawa pada kos (instrumen ekuiti tidak disebut harga yang tidak dibawa pada nilai saksama dan aset derivatif yang dikaitkan dan mesti dijelaskan melalui penyerahan, instrumen tidak disebut harga tersebut)**

Penjejasan nilai aset kewangan hendaklah ditaksir jika terdapat bukti penjejasan nilai. Amaun kerugian diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan dengan nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran kini bagi aset kewangan yang serupa. Amaun kerugian itu hendaklah dicaj sebagai belanja.

Kerugian penjejasan nilai sebegini tidak boleh dibalikkan.

10.4 **Pertukaran Mata Wang Asing**

Pengiktirafan Awal

Bagi urus niaga, item monetari, 'item bukan monetari diukur pada kos sejarah' dan 'item bukan monetari diukur pada nilai saksama'

- a. Gunakan kadar pertukaran semerta pada tarikh urus niaga
- b. Atas sebab yang praktikal, kadar AGD yang hampir menyamai kadar sebenar mungkin digunakan bagi semua urus niaga yang berlaku sepanjang tempoh tersebut.

Bagi operasi asing,

- a. Aset dan liabiliti hendaklah diterjemah pada kadar penutup
- b. Hasil dan belanja diterjemah pada kadar AGD pada tarikh urus niaga
- c. Pengiriman kepada Pemegang Panjar 3/12 direkodkan pada kadar semerta
- d. Hasil perbezaan pertukaran hendaklah diiktiraf dalam akaun untung dan rugi pertukaran asing.

Item monetari hendaklah kemudiannya diterjemah menggunakan kadar penutup.

Item bukan monetari diukur pada kos sejarah hendaklah kemudiannya diterjemah menggunakan kadar pada tarikh urus niaga.

Item bukan monetari diukur pada nilai saksama hendaklah kemudiannya diterjemah menggunakan kadar pada tarikh nilai saksama itu ditentukan.

10.5 **Pendedahan pihak berkaitan**

Hubungan pihak berkaitan yang wujud unsur kawalan hendaklah didedahkan, tanpa mengira sama ada terdapat urus niaga antara pihak berkaitan.

10.6 **Peristiwa selepas tarikh pelaporan**

Peristiwa selepas tarikh pelaporan ialah peristiwa yang baik atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan.

Dua jenis peristiwa dapat dikenal pasti:

- (a) Peristiwa yang menyediakan bukti keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan); dan
- (b) Peristiwa yang menunjukkan keadaan yang timbul selepas tarikh pelaporan (peristiwa tidak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan).

Bagi peristiwa perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan, amaun yang telah diiktiraf dalam penyata kewangan hendaklah diselaraskan untuk menggambarkan peristiwa itu.

Bagi peristiwa tidak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan, amaun sedemikian tidak akan diselaraskan. Walau bagaimanapun, ciri dan anggaran kesan kewangan peristiwa tidak perlu pelarasan yang material (iaitu, peristiwa yang mungkin mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna) hendaklah didedahkan.

10.7 **Perbandingan dengan bajet**

Entiti hendaklah mengemukakan perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar bagi perbelanjaan operasi, perbelanjaan pembangunan dan hasil, sama ada sebagai penyata kewangan tambahan yang berasingan atau sebagai tambahan lajur bajet dalam penyata kewangan semasa yang dikemukakan mengikut MPSAS.

Perbandingan antara bajet dengan amaun sebenar hendaklah dibentangkan atas dasar boleh banding kepada bajet. Jika penyata kewangan dan bajet tidak disediakan atas dasar boleh banding, jumlah hasil, jumlah belanja, dan aliran tunai bersih yang diperuntukkan daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan hendaklah diselaraskan kepada amaun sebenar yang dibentangkan dalam penyata kewangan.

10.8 **Pelaporan segmen**

Entiti hendaklah mendedahkan maklumat segmen dalam nota kepada penyata kewangan.

10.9 **Liabiliti Luar Jangka (contohnya, litigasi)**

Tiada pengiktirafan liabiliti diperlukan, tetapi liabiliti luar jangka hendaklah didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan.

10.10 Dasar perakaunan, perubahan dalam anggaran perakaunan, kesilapan

a. Pemilihan dasar perakaunan

Jika MPSAS bercanggah dengan undang-undang tempatan, maka undang-undang tempatan hendaklah diguna pakai.

b. Perubahan dalam dasar perakaunan

Dasar perakaunan akan diubah hanya jika perubahan itu diperlukan oleh MPSAS atau jika ia menghasilkan penyata kewangan yang memberikan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan tentang kesan urus niaga, peristiwa lain, dan keadaan kedudukan kewangan, prestasi kewangan, atau aliran tunai entiti. Perubahan hendaklah diaplikasikan secara retrospektif melainkan dikehendaki selainnya di bawah peruntukan peralihan apabila menerima pakai MPSAS yang khusus buat kali pertama.

Perubahan dalam dasar perakaunan hendaklah didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan.

c. Perubahan dalam anggaran perakaunan

Perubahan hendaklah diiktiraf secara prospektif dengan memasukkannya dalam lebihan dan kurangan dalam tempoh perubahan (jika perubahan itu melibatkan tempoh itu sahaja), atau tempoh perubahan dan tempoh akan datang (jika perubahan itu melibatkan kedua-duanya).

d. Kesilapan

Kesilapan tempoh terdahulu yang material hendaklah dibetulkan secara retrospektif dalam set penyata kewangan pertama yang dibenarkan untuk diterbitkan selepas penemuan kesilapan itu dengan cara:

- i. Menyatakan semula amaun perbandingan yang dibentangkan bagi tempoh terdahulu semasa kesilapan itu berlaku; atau
- ii. Menyatakan semula baki awal aset, liabiliti dan aset bersih/ekuiti bagi tempoh terdahulu yang terawal dibentangkan, jika kesilapan itu berlaku sebelum tempoh terdahulu yang terawal dibentangkan.